

SIARAN MEDIA



KUMPULAN SIRIM RAIKAN PELANGGAN SEMPENA AIDILFITRI

SHAH ALAM, 28 Jun 2019: Kumpulan SIRIM hari ini meraikan lebih 1,200 pelanggan, rakan niaga dan pemegang kepentingan pada Majlis Hari Raya Aidilfitri Kumpulan SIRIM 2019, yang berlangsung di Pusat Konvensyen Setia City (SCCC), di sini, hari ini.

Majlis rumah terbuka yang bermula dari jam 2 hingga 6 petang dihadiri oleh ketua-ketua agensi kerajaan, peneraju syarikat korporat, usahawan dan persatuan industri daripada pelbagai sektor termasuk sektor perkhidmatan, pembuatan, elektrik dan elektronik, mekanikal, kimia, kejuruteraan awam, automotif, minyak dan gas, makanan dan minuman, institusi pendidikan tinggi serta pihak media yang sentiasa bekerjasama rapat dengan SIRIM Berhad dan anak-anak syarikatnya.

Tetamu majlis diraikan oleh Pengerusi SIRIM, Tan Sri Ir Dr Ahmad Tajuddin Ali dan Presiden & Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof. Ir. Dr. Ahmad Fadzil Mohamad Hani selaku tuan rumah. Turut hadir pada majlis itu adalah Mufti Selangor, Datuk Mohd Tamyas Abd Wahid, Pengerusi Suruhanjaya Tenaga, Datuk Ir. Ahmad Fauzi Hasan dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian (Pelaburan) Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Hairil Yahri Yaacob.

Antara peneraju korporat dan industri, wakil kementerian dan agensi yang hadir pada majlis itu ialah dari wakil kerajaan negeri Selangor; wakil MITI; Kementerian Kewangan; Suruhanjaya Tenaga, Kementerian Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC); Jabatan Standard Malaysia; PUSPAKOM; Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC); MIMOS; Exim Bank Malaysia; Kumpulan Industri-Kerajaan bagi Teknologi Tinggi (MIGHT); Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah (KISMEC); Kontena Nasional Berhad; dan Universiti Selangor.

Kumpulan SIRIM terdiri daripada tujuh anak syarikat iaitu SIRIM QAS International, SIRIM STS, SIRIM Standards Technology, SIRIM Tech Venture, SIRIM Measurements Technology, National Precision Tooling dan Granulab. SIRIM juga diperkukuhkan dengan bahagian penyelidikan dan pembangunan bagi teknologi perindustrian iaitu SIRIM Industrial Research; dan National Metrology Institute of Malaysia, badan yang bertanggungjawab ke atas kebolehsasaran pengukuran di Malaysia.



Pengerusi SIRIM, Tan Sri Ir Dr Ahmad Tajuddin Ali (duduk kanan) dan Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan SIRIM, Prof Ir Dr Ahmad Fadzil Mohamad Hani (duduk kiri) bersama-sama pelanggan pada Majlis Hari Raya Aidilfitri Kumpulan SIRIM 2019.